

Hubungan Kesukaran Meregulasi Emosi dan Tingkah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Perapatan kepada Komuniti sebagai Perantara

The Relationship of Dysregulation of Emotion and Delinquent Behaviour among Teenagers: Attachment to Community as Moderator

FATIN ADHA MURAD, MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN & NORRUZEYATI CHE MOHD NASIR

ABSTRAK

Dewasa ini, banyak kes jenayah menyaksikan remaja sebagai pelaku. Kajian-kajian lepas menunjukkan penglibatan remaja dalam delinkuensi disebabkan oleh pelbagai faktor bermula dari domain individu (psikologikal), sosial, sehinggalah pengaruh di peringkat persekitaran dan komuniti. Walaupun pelbagai kajian telah dilakukan dalam memahami faktor psikologikal, tidak banyak kajian yang memfokuskan peranan aspek perapatan kepada jiran tetangga dan komuniti dalam konteks delinkuen remaja dan kaitannya dengan faktor psikologikal. Justeru, objektif utama kajian ini adalah mengenal pasti pengaruh perapatan kepada komuniti sebagai perantara antara kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah yang terletak di Perak. Kajian ini menggunakan soal selidik yang merangkumi tiga alat ukuran iaitu Skala Perapatan kepada Komuniti, Skala Kesukaran Meregulasi Emosi dan Skala Tingkah Laku Delinkuen Remaja. Kajian ini melibatkan 144 orang remaja warganegara Malaysia yang berumur 13 hingga 16 tahun. Dapatan kajian mendapati perapatan kepada komuniti tidak mempunyai hubungan dengan kesukaran meregulasi emosi ($r = 0.069$, $p = 0.409$) dan tingkah laku delinkuen remaja ($r = -0.068$, $p = 0.417$). Namun, kesukaran meregulasi emosi mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan tingkah laku delinkuen ($r = 0.200$, $p = 0.019$). Walau bagaimanapun, perapatan kepada komuniti tidak dapat menjadi perantara antara kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen ($F(7, 136) = 1.48$, $p = .179$). Kajian ini diharap dapat memberi input dalam memahami masalah delinkuen yang berlaku di Malaysia terutamanya dalam konteks perapatan komuniti dan regulasi emosi.

Kata kunci: Delinkuen; kesukaran meregulasi emosi; perapatan; komuniti; remaja

ABSTRACT

Nowadays, many teenagers are involved in criminal cases as offenders. Voluminous studies have indicated teenagers participate in crimes due to many factors at different domains such as individual (psychological) and social as well as influences from environment and community levels. Although a number of studies have devoted to understanding the role of psychological factors; however not many studies have focussed on the roles of attachment to neighbourhood and community in the context of delinquency and their associations with psychological factors. Therefore, the primary objective of this study is to identify the effects of attachment to the community as a moderating factor between dysregulation of emotion and delinquent behaviour. This study is conducted in a secondary school in Perak. This study uses a questionnaire comprising three instruments: Sense of Community Index-2, Self-reporting Delinquent Behaviour and Difficulties in Emotional Regulation. This study recruited 144 Malaysian teenagers between the age of 13 and 16 years old as research respondents. The findings of this study show that attachment to community does not have any correlation with dysregulation of emotion ($r = 0.069$, $p = 0.409$) and delinquent behaviour ($r = -0.068$, $p = 0.417$). However, dysregulation of emotion shows a significant positive relationship with delinquent behaviour ($r = 0.200$, $p = 0.019$). Nevertheless, attachment to community fails to be a moderator between dysregulation of emotion and delinquent behaviour ($F(7, 136) = 1.48$, $p = .179$). It is highly anticipated that this study would provide an in-depth understanding regarding delinquency especially from the contexts of attachment to community and dysregulation of emotion.

Keywords: Delinquent; dysregulation of emotion; attachment; community; teenagers

PENGENALAN

Sebagai sebuah negara yang menuju ke arah status negara maju, Malaysia turut berhadapan dengan pelbagai masalah sosial dan jenayah melibatkan setiap lapisan masyarakat. Sejak akhir-akhir ini, penglibatan remaja dalam kes jenayah semakin menjadi-jadi sehingga membawa kepada kematian mangsa. Bukan itu sahaja, jenayah yang dilakukan dianggap dahsyat dan tidak berperikemanusiaan. Buktinya, kejadian kebakaran di Tahfiz Darul Ittifaqiyah, kematian Allahyarham Kadet Zulfarhan Osman Zulkarnain dan kes pembunuhan T. Nhaveen menunjukkan remaja menjadi dalang dan juga pelaku dalam kes-kes jenayah ini. Berdasarkan kes tersebut, masalah remaja bukan masalah yang boleh dipandang enteng, sebaliknya perlu diambil perhatian berat oleh setiap pihak.

United Nations Children's Fund (UNICEF), Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengkategorikan remaja sebagai individu yang berumur antara 10 hingga 19 tahun (UNICEF 2011). Proses perkembangan remaja dianggap sebagai satu proses transisi daripada alam kanak-kanak kepada alam dewasa yang penuh dengan pelbagai cabaran kerana disebabkan perubahan dari segi biologi dan juga psikologi. Hal ini disokong dengan kajian-kajian terkini yang mendapati bahawa kurangnya sokongan keluarga (Zimmerman & Pogarsky 2011), pengaruh rakan antisosial (Sullivan 2014) dan persepsi orang sekitar terhadap remaja (Egan, Neary & Keenan 2013) menyebabkan remaja bertingkah laku delinkuen.

Havighurst (1952) mendefinisikan usia remaja ialah tempoh individu menjalani beberapa tugas perkembangan merangkumi keterampilan diri, pembinaan hubungan, mencapai peranan gender, kebebasan emosi, persediaan ke alam pekerjaan dan perkahwinan, tanggungjawab sosial, membentuk nilai dan etika hidup serta mewujudkan idealogi diri. Sekiranya tugas perkembangan berlaku secara positif, remaja mungkin tidak terjebak dengan tingkah laku delinkuen. Rathus (2014) menambah ketika berada di peringkat ini, remaja kerap berdepan dengan soalan "siapa saya?" dan mereka seringkali mencari identiti diri dan selalu memikirkan arah hidup mereka apabila dewasa. Perkara ini secara tidak langsung menyebabkan mereka selalu berkonflik dengan persekitaran mereka. Walau bagaimanapun, Scales, Benson dan Roehlkepartain (2011) menyatakan remaja yang mempunyai minat yang mendalam, mempunyai kesedaran untuk bersuara,

dan peluang perhubungan dapat memperkukuhkan dan menyuburkan perkembangan remaja. Hal ini menunjukkan perkembangan positif perlu dititikberatkan bagi memastikan perkembangan remaja yang mampan supaya tidak mudah terjebak dalam gejala tingkah laku delinkuen.

KAJIAN LEPAS

Kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan banyak faktor yang mempengaruhi perkembangan remaja yang membawa kepada tingkah laku delinkuen. Secara amnya, Odgers et al. (2012) mendefinisikan tingkah laku anti sosial sebagai tingkah laku agresif dan delinkuen yang mendatangkan ancaman fizikal dan psikologikal ke atas orang lain, ancaman harta benda, serta mencabuli hak orang lain dan undang-undang. Tingkah laku anti sosial juga dikenali sebagai tingkah laku agresif secara terang-terangan dan rahsia (Olson et al. 2013), masalah eksternal (Halligan et al. 2013), tingkah laku ganas dan delinkuen (Baskin & Sommers 2014) yang mendatangkan kesan fizikal dan psikologikal kepada diri remaja itu sendiri dan orang lain.

Tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja selalu dikaitkan dengan perapatan kepada keluarga (McKelvey et al. 2015). Sebagai contoh, Pascuzo, Moss dan Cyr (2015) menunjukkan perapatan yang tidak selamat dengan ibu bapa pada usia remaja menyebabkan mereka berkecenderungan tinggi mengalami simptom psikopatologi apabila meningkat dewasa. Tapia, Alarid dan Clare (2018) mendapati perbezaan gaya perapatan dengan ibu bapa mempengaruhi penglibatan remaja dalam tingkah laku delinkuen. Hal ini sesuai dengan teori ekologi yang dikemukakan oleh Bronfenbrenner iaitu institusi kekeluargaan terletak dalam lingkungan yang paling rapat dengan remaja. Selain faktor perapatan kepada keluarga, faktor lain iaitu faktor persekitaran seperti kawasan tempat tinggal dan sekolah (Badiora 2015), faktor psikokriminogenik (Mohammad Rahim Kamaluddin et al. 2015; 2016) serta faktor kesukaran meregulasi emosi (Halligan et al. 2013; Kemp et al. 2017; Olson et al. 2013) turut mempunyai kesan terhadap tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Faktor persekitaran terutama sekali kawasan kejiranan juga boleh memberi kesan kepada tingkah laku remaja. Hal ini termasuklah ketumpatan penduduk (Badiora 2015), persepsi jiran (Egan, Neary & Keenan 2013) dan hubungan antara remaja dan ahli komuniti mereka (Greenfield

& Marks 2010). Selain itu, faktor regulasi emosi merupakan salah satu aspek yang dikaitkan dengan remaja dan masalah delinkuen (Sullivan et al. 2010; Halligan et al. 2013; Monahan et al. 2013).

Berdasarkan kajian-kajian lepas, pengkaji tertarik untuk mengenal pasti hubungan antara faktor persekitaran terutamanya perapatan kepada komuniti, masalah regulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Kajian yang mengaitkan ketiga-tiga aspek ini secara serentak masih lagi terhad. Menurut Bronfenbrenner (1977), disebabkan ciri eksosistem yang berbentuk formal dan informal (ciri-ciri kawasan kejiranan, sifat dan keperluan pekerjaan ibu bapa, khidmat kesihatan dan kebajikan dan sebagainya) menentukan dengan siapa dan bagaimana individu menghabiskan masa mereka. Kajian-kajian terkini yang mengkaji pengaruh eksosistem terhadap tingkah laku antisosial remaja mendapati keganasan dalam komuniti dan ciri-ciri kawasan kejiranan yang lemah mendedahkan remaja dengan tingkah laku jenayah ganas atau kekerasan, jenayah dan penggunaan alkohol (Baskin & Sommers 2014; Trucco et al. 2014; Badiora 2015). Baskin dan Sommers (2014) mendapati remaja yang mempunyai pendedahan kronik dan secara langsung kepada keganasan komuniti lebih cenderung untuk meneruskan tingkah laku jenayah. Namun, ia juga bergantung kepada faktor risiko lain seperti pengaruh rakan sebaya, keluarga, personaliti devians, impulsiviti, kawasan kejiranan yang mundur, tingkah laku antisosial awal, simptom kecelaruan stress pascatrauma (PTSD), menjadi mangsa serta berasal daripada kejiranan yang mempunyai kecelaruan fizikal dan sosial. Menurut Badiora (2015), ciri-ciri kawasan tempat tinggal seperti penggunaan dadah dan alkohol yang tinggi mempunyai faktor peramal kepada jenayah juvana. Faktor sosial dan budaya juga mempunyai pengaruh terhadap tingkah laku delinkuen remaja (Burt, Simons & Gibbons 2012). Sebagai contoh, kewujudan kumpulan kongsi gelap di kawasan kejiranan dikenalpasti sebagai faktor penyertaan remaja India dalam kumpulan tersebut di Malaysia (Shankar Durairaja, Geshina Ayu Mat Saat & Mohammad Rahim Kamaluddin 2019).

Selain tumpuan terhadap perspektif ekosistem, aspek regulasi emosi dan hubungannya dengan tingkah laku anti sosial turut mendapat perhatian pengkaji di luar negara. Misalnya, Ford et al. (2012) mendapati regulasi emosi ialah faktor risiko dinamik kepada penahanan remaja bersabit dengan kes jenayah. Namun begitu, kajian tentang

hubungan antara regulasi emosi dengan tingkah laku delinkuen dalam konteks tempatan masih terhad. Regulasi emosi didefinisikan sebagai kemampuan individu untuk regulasi pengalaman emosi secara dalaman dan luaran melibatkan *initiation*, modulasi atau mengekalkan keadaan dalaman semasa dan komponen fisiologikalnya (Eisenberg, Morris & Spinrad 2005). Kemahiran meregulasi emosi boleh mengukuhkan atau menghalang perkembangan sosio-emosi remaja. Menurut Rothbart, Ahadi dan Hershey (1994), jika berlaku defisit dalam regulasi emosi, remaja mungkin berhadapan dengan masalah tingkah laku atau menjadi agresif. Kesukaran meregulasi emosi peringkat awal boleh membawa kepada masalah penyesuaian dan perkembangan psikopatologi apabila dewasa.

Regulasi emosi bertujuan untuk meningkatkan perasaan positif individu seperti minat, perasaan gembira dan kasih sayang. Menurut Gross (2013), meningkat atau menurunnya magnitud atau tempoh respons emosi bergantung kepada matlamat meregulasi emosi. Strategi ke arah mencapai sesuatu matlamat boleh berpunca daripada individu itu sendiri atau daripada orang lain. Sullivan et al. (2010) mendapati remaja yang mempunyai kadar daya tindak regulasi emosi sedih yang tinggi kurang terlibat dengan keagresifan relasional berbanding dengan remaja yang mempunyai daya tindak regulasi emosi sedih yang rendah. Keagresifan relasional ialah tingkah laku manipulasi interpersonal seperti penyisihan sosial, penolakan, mengawal seseorang, eksklusi sosial, atau khabar angin. Keagresifan relasional menjadi strategi untuk meningkatkan jaringan sosial dengan orang lain, walaupun strategi tersebut tidak bersifat prososial (Sullivan et al. 2010). Hasil kajian Sullivan et al. (2010) juga mendapati daya tindak regulasi emosi sedih menyederhanakan (*moderated*) perkaitan antara keengganan ekspresif emosi dan keagresifan relasional. Monahan et al. (2013) juga mendapati pesalah remaja lelaki berumur antara 14 hingga 25 tahun yang mempunyai peningkatan dalam kebolehan mengawal dorongan, menahan kemarahan, mempertimbangkan kesan tingkah laku mereka kepada orang lain dan kesan tingkah laku pada masa akan datang serta bertanggungjawab terhadap tingkah laku mereka mampu menahan diri daripada pengaruh kawan untuk terlibat dalam tingkah laku delinkuen.

Berdasarkan perbincangan di atas, peranan perapatan antara komuniti dan regulasi emosi remaja serta kesan terhadap tingkah laku delinkuan perlu

diterokai lebih-lebih lagi dalam konteks tempatan. Kajian ini diharap dapat memberikan pemahaman yang mendalam tentang peranan regulasi emosi dan perapatan kepada komuniti terhadap tingkah laku delinkuen. Kajian ini juga diharap dapat menyumbang kepada kajian-kajian lain yang seumpama dengannya pada masa akan datang. Dalam konteks kajian ini, kesukaran meregulasi emosi dioperasikan sebagai pemboleh ubah bebas, tingkah laku delinkuen sebagai pemboleh ubah bersandar manakala perapatan kepada komuniti sebagai pemboleh ubah pengantara. Melalui pengoperasian pemboleh ubah sebegini, kajian ini dapat memberi maklumat tentang sejauh mana perapatan kepada komuniti menjadi perantara kepada kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen, seterusnya memberi sumbangan kepada bentuk intervensi psikososial yang sesuai dengan remaja delinkuen.

METODOLOGI KAJIAN

REKA BENTUK KAJIAN DAN RESPONDEN

Kajian ini merupakan kajian rentas yang menggunakan soal selidik untuk tujuan pengumpulan data. Sampel asal kajian ini terdiri daripada 144 orang pelajar di sebuah sekolah menengah luar bandar di Perak. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan mudah bersistem. Dalam kajian ini, pengkaji menetapkan hanya pelajar tingkatan Satu, Dua dan Empat sahaja terlibat sebagai sampel. Tindakan ini diambil supaya tidak mengganggu para pelajar yang mengambil peperiksaan awam iaitu Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji memohon kebenaran daripada pihak sekolah melalui panggilan telefon, seterusnya perjumpaan dengan pengetua sekolah. Setelah mendapat kebenaran, pengkaji mencari tarikh yang sesuai untuk mengedarkan borang soal selidik. Sebelum kajian dijalankan, pelajar yang dipilih sebagai responden diberikan Borang Keizinan Peserta untuk mendapatkan persetujuan daripada ibu bapa.

Pengkaji telah memberi penerangan yang jelas kepada para responden sebelum borang soal selidik diedarkan. Pengkaji memastikan semua responden jelas dengan hak mereka sebagai subjek kajian ini. Oleh kerana soal selidik mengandungi beberapa soalan yang sensitif, pengkaji memastikan responden berasa selamat untuk memberikan

maklumat dan respon mereka dirahsiakan. Seterusnya, pengkaji memberi penerangan untuk setiap bahagian yang terdapat dalam borang soal selidik dan memastikan responden faham dengan kehendak dan maksud soalan. Tempoh masa yang diambil oleh para responden untuk mengisi borang soal selidik ialah lebih kurang 20 hingga 30 minit. Sepanjang pengumpulan data dijalankan, pengkaji turut dibantu oleh dua guru kaunseling. Selepas respons dikutip, responden diberi taklimat semula tentang kajian yang dijalankan supaya mereka benar-benar jelas tentang objektif kajian dan kerahsiaan yang berkaitan dengan maklumat mereka terjamin. Pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada responden dan guru kaunseling kerana sudi untuk terlibat dan memberi kerjasama dalam kajian ini.

SOAL SELIDIK DAN INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan soal selidik yang merangkumi beberapa alat ukuran. Secara spesifiknya, soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian iaitu demografi (Bahagian A), Skala Perapatan kepada Komuniti (Bahagian B), Skala Kesukaran Meregulasi Emosi (Bahagian C) dan Skala Tingkah Laku Delinkuen (Bahagian D). Perapatan kepada komuniti dikaji menggunakan *Sense of Community Index 2*, SCI 2 (Chavis, Lee & Acosta 2008). Kesukaran meregulasi emosi pula diukur dengan menggunakan *Difficulties in Emotion Regulation* (DERS) (Gratz & Roemer 2004). Bagi masalah berkaitan dengan tingkah laku delinkuen, Laporan Delinkuen Kendiri yang diadaptasi daripada *Rochester Youth Development Study* (Thornberry et al. 1994) digunakan. Kesemua item dalam ketiga-tiga alat ukuran dalam bahasa Inggeris diterjemah ke dalam bahasa Malaysia dan beberapa frasa diubah, tetapi masih menyamai dengan maksud asal. Terjemahan telah dibuat menggunakan kaedah terjemahan berbalik untuk memastikan maksud soalan adalah sama dan tidak menyeleweng (Mohammad Rahim Kamaluddin & Wan Shahrzad Wan Sulaiman 2017).

Selain itu, alat ukuran yang diterjemah juga telah menjalani beberapa ujian kesahan subjektif seperti kesahan muka dan kandungan agar alat ukuran yang digunakan adalah sah dan mengukur apa yang sepatutnya perlu diukur. Kesahan kandungan telah dilakukan oleh dua panel dari bidang kriminologi dan psikologi manakala kesahan muka dilakukan dalam kalangan 10 pelajar sekolah. Kesahan kandungan dibuat agar memastikan kandungan alat ukuran adalah sah dalam mengukur konstruk yang ingin

diukur manakala kesahan muka dijalankan bagi memastikan para pelajar faham akan kandungan dan maksud setiap item (Mohammad Rahim Kamaluddin & Wan Shahrzad Wan Sulaiman 2017). Akhir sekali, analisis kebolehpercayaan telah dijalankan dalam kalangan 53 responden bagi menentukan nilai Alfa Cronbach demi memastikan ketekalan dalaman ketiga-tiga alat ukuran. Pembetulan dan perubahan telah dilakukan sebelum borang soal selidik diedarkan untuk tujuan kajian sebenar.

DEMOGRAFI RESPONDEN

Bahagian ini mengandungi maklumat demografi responden. Antara maklumat yang perlu dijawab oleh responden adalah jantina, tingkatan dan umur. Maklumat ini penting dan wajib dijawab oleh setiap responden kerana digunakan untuk tujuan analisis data. Selain itu, jumlah sebenar responden lelaki dan wanita serta umur juga dapat dikenalpasti melalui bahagian ini.

PERAPATAN KEPADA KOMUNITI

Alat ukuran Perapatan kepada Komuniti atau *Sense of Community Index-2* (SCI-2) telah dibangunkan dan disemak semula oleh Chavis, Lee dan Acosta pada tahun 2008. Untuk SCI-2, responden perlu menandakan respons mereka iaitu tidak langsung, sederhana, kebanyakannya dan benar sama sekali. Pemarkatan bermula daripada 0 (tidak langsung), sederhana (1), kebanyakannya (2), dan benar sama sekali (3). Tiada item negatif dalam bahagian ini. Indeks ini mengandungi empat subskala yang mengukur: (i) peneguhan untuk keperluan, (ii) keahlian, (iii) pengaruh, dan (iv) hubungan emosional yang dikongsi bersama. Secara keseluruhannya, SCI-2 mengandungi 24 item. Kajian rintis mendapati nilai Alfa Cronbach untuk keseluruhan SCI-2 adalah 0.96. Manakala, nilai Alfa Cronbach bagi setiap sub-skala dibawah SCI-2 adalah 0.92 (peneguhan untuk keperluan), 0.90 (keahlian), 0.91 (pengaruh) dan 0.95 (perkongsian hubungan emosi).

KESUKARAN MEREGULASI EMOSI

Bahagian C dalam soal selidik adalah untuk mengukur kesukaran regulasi emosi dalam kalangan responden. Bahagian ini telah menggunakan skala *Difficulties in Emotional Regulation* (DERS) yang dibangunkan oleh Gratz dan Roemer (2004). Skala ini mengandungi 36 item di mana terdapat enam subskala yang mengukur kesukaran untuk meregulasi

emosi. Antaranya ialah: (i) tidak menerima respon emosi (tidak terima), (ii) kesusahan untuk bertingkah laku berarahkan matlamat (matlamat), (iii) kesusahan untuk mengawal dorongan (dorongan), (iv) kekurangan kesedaran emosional (kesedaran), (v) akses terhadap strategi regulasi emosi (strategi) dan (vi) kurang kejelasan emosional (kejelasan). Kaedah pemarkatan item-item dalam DERS adalah dari skala Likert 1 (hampir tidak pernah) hingga 5 (hampir sepanjang masa). Sebanyak sembilan item adalah item berbentuk negatif dan nilai Alfa Cronbach bagi keseluruhan DERS adalah 0.85. Manakala, nilai Alfa Cronbach bagi setiap dimensi dibawah DERS pula 0.84 (tidak terima), 0.82 (matlamat), 0.84 (dorongan), 0.78 (kesedaran), 0.83 (strategi) dan 0.71 (kejelasan).

TINGKAH LAKU DELINKUEN

Untuk melihat masalah delinkuen dalam kalangan remaja, pengkaji telah menggunakan Laporan Delinkuen Kendiri yang diambil daripada *Rochester Youth Development Study* yang dibangunkan oleh Thornberry et al. (1994). Laporan delinkuen sendiri pada awalnya mengandungi 36 item, namun pengkaji menambah lima item berikutan cadangan pakar dalam kesahan kandungan. Maka, lima item telah ditambahkan dan menjadikan jumlah item adalah 41. Kelima-lima item yang ditambahkan dikatakan relevan dalam konteks tingkah laku delinkuen di Malaysia dan juga sesuai untuk generasi sekarang. Item-item dalam bahagian ini perlu dijawab dalam bentuk respon dikotomous iaitu Ya (1) atau Tidak (0). Untuk mengukur jumlah delinkuen, hanya respons Ya sahaja yang dijumlahkan. Semakin banyak respon Ya semakin tinggi tahap delinkuen yang dilaporkan oleh responden.

ANALISIS STATISTIK

Analisis kajian ini telah dibahagi kepada dua iaitu analisis diskriptif dan analisis inferensi. Analisis diskriptif dilakukan untuk mengenal pasti tahap bagi perapatan kepada komuniti, kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen. Analisis inferensi pula dilakukan dengan menggunakan ujian-ujian statistik seperti korelasi dan regresi hierarki. Ujian korelasi dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji manakala ujian regresi hierarki pula bertujuan untuk mengkaji samada pemboleh ubah perapatan kepada komuniti berjaya menjadi perantara kepada kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen atau

tidak. Pemilihan analisis parametrik ini adalah berdasarkan taburan normal data kajian yang diuji dengan analisis Skewness dan Kurtosis. Kesemua analisis ini dijalankan dengan bantuan perisian IBM *Statistical Package for Social Sciences* (IBM SPSS) versi 23.

KEPUTUSAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN DEMOGRAFI RESPONDEN

Pada awal kajian ini, seramai 243 orang telah menyertai kajian. Walau bagaimanapun, hanya 144 orang responden sahaja telah menjawab kesemua item dengan jayanya. Baki 99 pelajar tidak menjawab soal selidik dengan sepenuhnya di mana ada bahagian yang telah ditinggalkan. Maka, kadar respon para pelajar dalam kajian ini adalah seramai 59.3%. Daripada jumlah 144 orang, 65 orang (45%) adalah lelaki manakala 79 orang (55%) adalah perempuan. Seramai 46 orang (31.9%) berumur 13 tahun, 44 orang (30.6%) berumur 14 tahun, 2 orang (1.4%) berumur 15 tahun dan 52 orang (36.1%) berumur 16 tahun.

TAHAP KESUKARAN MEREKULASI EMOSI, PERAPATAN KEPADA KOMUNITI DAN TINGKAH LAKU DELINKUEN

Untuk mengenal pasti perbezaan tahap perapatan kepada komuniti, kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen, ujian frekuensi dijalankan. Kekekapan respons yang diberikan oleh responden ditentukan melalui kelas Tinggi, Sederhana dan Rendah. Untuk perapatan kepada komuniti, majoriti responden iaitu seramai 73 orang atau 56.6% dikatakan mempunyai perapatan yang sederhana kepada komuniti mereka. Majoriti responden juga mempunyai kesukaran meregulasi emosi yang sederhana iaitu 134 orang atau 93.0%. Tahap keterlibatan dalam tingkah laku delinkuen oleh responden didapati pada tahap rendah dengan bilangan 141 pelajar (97.9%). Hanya tiga pelajar (2.1%) yang mempamerkan tahap delinkuen yang sederhana. Jadual 1 memperihalkan frekuensi para pelajar mengikut tahap perapatan kepada komuniti, kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen.

JADUAL 1. Perbezaan tahap perapatan kepada komuniti, kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen (n=144)

	Frekuensi					
	Rendah		Sederhana		Tinggi	
	Frekuensi	%	Frekuensi	%	Frekuensi	%
Perapatan kepada komuniti	44	29.4	73	56.6	27	14.0
Kesukaran meregulasi emosi	2	1.4	134	93.0	8	5.6
Tingkah laku delinkuen	141	97.9	3	2.1	0	0

HUBUNGAN ANTARA PERAPATAN KEPADA KOMUNITI, KESUKARAN MEREKULASI EMOSI DAN TINGKAH LAKU DELINKUEN

Untuk mengkaji hubungan antara perapatan kepada komuniti, kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen, analisis inferensi iaitu ujian Korelasi Pearson telah dijalankan. Hasil daripada ujian yang dijalankan, nilai hubungan antara perapatan kepada komuniti dan kesukaran meregulasi emosi menunjukkan hubungan yang tidak signifikan iaitu $r = 0.069$ dengan nilai aras signifikan, $p = 0.409$. Manakala, dapatan kajian juga menunjukkan tiadanya hubungan yang signifikan antara perapatan kepada komuniti dengan tingkah laku delinkuen ($r = -0.068$, $p = 0.417$). Walau bagaimanapun, ujian korelasi mendapati terdapatnya hubungan signifikan

yang positif tetapi agak lemah antara kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dengan nilai korelasinya adalah $r = 0.200$ ($p = 0.019$). Jadual 2 membentangkan hubungan antara perapatan kepada komuniti, kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen.

Ujian korelasi juga dilakukan antara subskala setiap pemboleh ubah untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas. Walaupun ujian korelasi mendapati tiadanya hubungan antara perapatan kepada komuniti dan kesukaran meregulasi emosi secara keseluruhan (Jadual 2 dirujuk), terdapat juga beberapa subskala yang menunjukkan hubungan signifikan. Antaranya, subskala pengaruh di bawah perapatan kepada komuniti menunjukkan hubungan positif yang signifikan dengan subskala tidak terima respons emosi di bawah kesukaran

meregulasi emosi ($r = 0.201$, $p = 0.016$). Selain itu, remaja yang kurang sadar akan emosi (subskala di bawah kesukaran meregulasi emosi) mereka juga mempunyai hubungan yang songsang dengan beberapa subskala perapatan kepada komuniti iaitu peneguhan kepada keperluan ($r = -0.251$, $p =$

0.002), keahlian ($r = -0.228$, $p = 0.006$), pengaruh ($r = -0.265$, $p = 0.001$) dan berkongsi hubungan emosi ($r = -0.238$, $p = 0.004$). Jadual 3 di bawah membentangkan korelasi matriks diantara subskala perapatan kepada komuniti dan kesukaran meregulasi emosi.

JADUAL 2. Korelasi antara Perapatan kepada Komuniti, Kesukaran Meregulasi Emosi dan Tingkah Laku Delinkuen ($n = 144$)

	Perapatan kepada komuniti	Kesukaran regulasi Emosi	Tingkah laku delinkuen
Perapatan kepada komuniti	1	.069	-.068
		.409	.417
Kesukaran meregulasi emosi	.069	1	.200*
	.409		.019
Tingkah laku delinkuen	-.068	.200*	1
	.417	.019	

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

JADUAL 3. Korelasi antara Perapatan kepada Komuniti dan Kesukaran Meregulasi Emosi ($n = 144$)

	Perapatan kepada komuniti				
	Peneguhan	Keahlian	Pengaruh	Hubungan Emosi	
Kesukaran meregulasi emosi	Tidak terima	.111	.123	.201*	.101
		.186	.141	.016	.227
	Matlamat	.117	.116	.108	.094
		.164	.167	.197	.261
	Dorongan	.143	.070	.115	.103
		.086	.406	.171	.219
	Kesedaran	-.251**	-.228**	-.265**	-.238**
		.002	.006	.001	.004
	Strategi	.062	.016	.068	.031
		.463	.845	.420	.715
Kejelasan	.004	-.083	.025	-.040	
	.960	.321	.762	.638	

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05

Ujian korelasi juga dijalankan untuk mengkaji hubungan antara perapatan kepada komuniti dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2, ujian korelasi mendapati tiada hubungan antara perapatan kepada komuniti dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja ($r = -0.068$, $p = 0.417$). Dapatan kajian ini tidak sejajar dengan kajian yang dilakukan oleh Trucco et al. (2014) di mana remaja yang membesar dalam kejelekitan kejiwaan yang tinggi akan kurang terlibat dalam tingkah laku delinkuen khususnya pengambilan bahan terlarang seperti alkohol. Kajian oleh Lenzi et al. (2012) juga mendapati tahap tanggapan kejelekitan sosial yang

tinggi dan secara tidak langsung, jumlah kawan yang ramai dalam komuniti setempat dan tahap perapatan kepada kejiwaan yang tinggi membantu remaja bertingkah laku prososial dan mengelakkan mereka daripada terlibat dalam tingkah laku delinkuen.

Walau bagaimanapun, ujian korelasi juga dijalankan untuk melihat hubungan antara subskala perapatan kepada komuniti dan tingkah laku delinkuen; dan mendapati remaja yang mempunyai peneguhan keperluan dengan jiran mereka mempunyai hubungan songsang untuk terlibat dalam masalah tingkah laku yang lain seperti lari dari rumah dan ponteng kelas ($r = -0.200$, $p = 0.016$). Ini bermaksud remaja-remaja yang sering ditegur dan

adanya konsep peneguhan keperluan dalam sesuatu komuniti, remaja tersebut akan kurang terlibat dalam tingkah laku delinkuen lain-lain. Jadual 4 di bawah

menunjukkan hubungan antara subskala perapatan kepada komuniti dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja.

JADUAL 4. Korelasi antara Perapatan kepada Komuniti dan Tingkah Laku Delinkuen (n=144)

	Perapatan kepada komuniti				
	Peneguhan	Keahlian	Pengaruh	Hubungan Emosi	
Tingkah laku delinkuen	Tingkah laku lain	-.200*	-.090	-.139	-.170
		.016	.286	.096	.042
	Tingkah laku tidak sopan	-.005	.077	.001	.063
		.949	.361	.994	.454
	Vandalisme	-.120	-.035	-.116	-.088
		.151	.681	.166	.294
	Mencuri wang	-.069	.061	.032	-.025
		.412	.465	.706	.769
	Mencuri kenderaan	-.012	-.022	.010	-.058
		.883	.797	.904	.493
	Menipu wang	.072	.151	.105	.142
		.393	.071	.211	.089
	Gangsterisme	-.041	-.008	-.067	-.040
		.626	.920	.427	.633
	Seks luar nikah	-.053	.084	-.008	-.008
		.525	.316	.925	.922
Dadah	-.031	-.042	-.075	-.091	
	.715	.614	.369	.279	
Kutu rayau	-.025	.054	-.044	.009	
	.762	.518	.604	.916	
Buli	-.106	-.056	-.076	-.035	
	.207	.508	.366	.675	

*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05

Ujian korelasi turut dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana hubungan antara kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, hasil ujian yang dijalankan mendapati terdapat hubungan signifikan yang positif antara kedua-dua pemboleh ubah ($r = 0.196, p = 0.019$). Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Kemp dan rakan (2017) di mana kajian mereka mendapati kesusahan untuk meregulasi emosi seperti yang dilaporkan oleh guru menjadi peramal yang signifikan kepada penahanan remaja yang berisiko tinggi yang terlibat dalam pelbagai kesalahan delinkuen.

Ujian korelasi antara subskala (Jadual 5 dirujuk) pula mendapati remaja yang mempunyai strategi regulasi emosi yang terhad mempunyai hubungan

positif yang signifikan dengan tingkah laku tidak sopan ($r = 0.246, p = 0.003$). Remaja yang mempunyai respons emosi yang tidak diterima pula mempunyai korelasi positif yang signifikan dengan tingkah laku menipu dalam urusan kewangan ($r = 0.252, p = 0.002$). Selain itu, remaja yang mempunyai masalah untuk bertingkah laku berdasarkan matlamat (*goal-directed behaviour*) pula mempunyai korelasi positif yang signifikan dengan perbuatan membuli ($r = 0.171, p = 0.04$) manakala remaja yang mempunyai kepayahan mengawal dorongan pula berkorelasi langsung dengan tingkah laku tidak sopan iaitu $r = 0.203, p = 0.015$. Hasil kajian juga mendapati remaja yang kurang sedar akan keadaan emosi mereka pula mempunyai hubungan yang songsang dengan menipu wang iaitu $r = -0.164, p = 0.05$. Dapatan korelasi matriks antara sub-skala

kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dipaparkan dalam Jadual 5.

Kajian ini dikuatkan lagi dengan dapatan kajian Monahan et al. (2013) iaitu terdapat perbezaan yang jelas antara individu yang boleh memberhentikan dan individu yang menyambung tingkah laku antisosial mereka. Kematangan psikososial boleh dikesan antara umur 14 hingga 25 tahun di mana individu mempunyai kemampuan untuk mengawal dorongan, menahan keagresifan, mengambil kira

kesan tingkah laku mereka terhadap orang lain dan masa depan mereka, dan bertanggungjawab ke atas perbuatan mereka serta mampu menahan pengaruh rakan sebaya. Kajian ini juga menyokong kajian oleh Estevéz et al. (2017) di mana regulasi berkait rapat dengan tingkah laku ketagihan bahan dan bukan bahan. Oleh itu, individu-individu yang mampu meregulasi emosi dengan baik boleh dapat menghindarkan diri daripada terlibat dalam tingkah laku delinkuen.

JADUAL 5. Korelasi Antara Masalah Regulasi Emosi dan Tingkah Laku Delinkuen (n=144)

	Lain-lain	Tidak sopan	Vandalisme	Curi wang	Curi kenderaan	Tipu wang	Gangsterisme	Seks luar nikah	Dadah	Kutu Rayau	Buli
Tidak terima	-.029	.161	.000	.072	.047	.252**	.056	.161	-.117	-.047	.084
Matlamat	.729	.055	.997	.390	.577	.002	.507	.053	.161	.573	.314
Dorongan	.070	.011	.057	-.002	.093	.143	.111	.041	-.011	.084	.171*
Kesedaran	.403	.900	.498	.978	.269	.086	.187	.623	.897	.319	.040
Strategi	.118	.203*	.067	.019	-.017	.042	.075	-.003	-.091	.123	.155
Kejelasan	.160	.015	.425	.825	.838	.620	.371	.972	.276	.142	.063
	.005	-.052	.172	.072	.118	-.164*	.025	-.073	.114	.131	.048
	.952	.540	.040	.392	.161	.050	.769	.383	.172	.117	.569
	.017	.246**	.156	.185	.202	.199	.113	.152	-.038	.162	.166
	.838	.003	.061	.026	.015	.017	.176	.070	.650	.053	.047
	.078	.126	.075	.035	.067	-.063	.080	.003	.080	.113	.150
	.352	.133	.370	.681	.423	.450	.343	.975	.342	.177	.072

**Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.05

PERAPATAN KOMUNITI SEBAGAI PERANTARA KESUKARAN MEREKULASI EMOSI DAN TINGKAH LAKU DELINKUEN

Analisis regrasi hierarki dijalankan untuk melihat sejauh mana perapatan kepada komuniti (peneguhan untuk keperluan, keahlian, pengaruh dan berkongsi hubungan emosional) meramal kesukaran meregulasi emosi dengan mengawal tingkah laku delinkuen. Analisis ini digunakan untuk melihat samada pemboleh ubah baharu memberi tambahan kepada ramalan yang dihasilkan oleh blok pemboleh ubah terdahulu (Leech, Barret & Morgan 2015). Analisis preliminari dijalankan untuk memastikan tiada pelanggaran andaian normaliti dan lineariti.

Langkah pertama regrasi hierarki dilakukan adalah dengan memasukkan enam peramal kesukaran meregulasi emosi iaitu tidak terima, kesusahan, dorongan, kesedaran, strategi dan kejelasan (Jadual 6) kepada tingkah laku delinkuen. Model 1 adalah tidak signifikan dimana $F(6, 137) = 1.69$, $p = 0.129$ dan menunjukkan varians sebanyak

7% dalam tingkah laku delinkuen. Hanya strategi sahaja yang memberikan sumbangan kepada model ($\beta = 0.24$). Selepas pemboleh ubah perapatan kepada komuniti dimasukkan dalam Model 2, jumlah varians adalah 11% ($F(4, 133) = 1.38$, $p = .24$). Dengan memasukkan perapatan kepada komuniti, tidak terdapat penambahan varians tingkah laku delinkuen yang signifikan walaupun selepas mengawal regulasi emosi jenis tidak terima, kesusahan, dorongan, kesedaran, strategi dan kejelasan. Model 2 juga menunjukkan hanya regulasi emosi jenis strategi sahaja yang memberi sumbangan kepada model ini iaitu $\beta = 0.25$.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perapatan kepada komuniti bukan perantara antara kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Antara faktor yang menyebabkan mengapa remaja kurang rapat dengan jiran mereka mungkin disebabkan oleh sikap kurang ambil tahu antara satu sama lain. Dalam kajian-kajian lepas juga, banyak dinyatakan bahawa remaja lebih dipengaruhi oleh ibu bapa dan rakan mereka. Hal

ini sejajar dengan teori ekologi Bronfenbrenner di mana ibu bapa dan rakan merupakan individu yang paling rapat dalam persekitaran remaja. Kedua-dua entiti ini mempunyai pengaruh yang kuat dan terus kepada remaja. Sebagai contoh, Wahab dan Mansor (2017) mendapati perapatan kepada ibu bapa dan rakan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja bermasalah di pusat tahanan di Malaysia. Selain itu, jadual waktu persekolahan yang panjang dan ditambah lagi dengan kelas tambahan yang banyak membuktikan mereka perlu menumpukan perhatian lebih dalam akademik dan menyebabkan mereka kesuntukan masa untuk bercampur dengan jiran mereka. Seterusnya, sikap menjaga tepi kain

sendiri atau menjaga hal masing-masing yang masih menebal dalam kalangan masyarakat menyebabkan perapatan antara remaja dengan komuniti gagal menjadi penghalang kepada tingkah laku delinkuen remaja.

Oleh hal demikian, terdapat banyak peramal lain yang telah dikenalpasti oleh pengkaji-pengkaji terdahulu untuk melihat jenis perapatan yang lain menjadi perantara antara kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen. Antaranya ialah kemahiran kognitif (Bellair & McNulty 2010), sensitiviti keibuan (Halligan et al. 2013) atau perapatan dengan bapa (Wahab & Mariani 2017), kepintaran (Flouri, Midouhas & Joshi 2015), dan kepadatan kawasan tempat tinggal (Badiora 2015).


JADUAL 6. Model Regresi Hierarki (Perapatan kepada Komuniti Sebagai Perantara)

	<i>R</i>	<i>R</i> ²	<i>p</i>	<i>B</i>	<i>SE</i>	<i>β</i>
Model 1	.26	.07	.129			
Tidak terima				.00	.07	.00
Kesusahan				.02	.05	.04
Dorongan				-.03	.09	-.03
Kesedaran				.13	.08	.13
Strategi				.24	.07	.24
Kejelasan				.05	.10	.05
Model 2	.33	.11	.244			
Tidak terima				-.00	.07	-.01
Kesusahan				.03	.05	.03
Dorongan				-.01	.09	-.01
Kesedaran				.11	.08	.11
Strategi				.25	.07	.25
Kejelasan				.07	.1	.07
Peneguhan				-.23	.12	-.25
Keahlian				.27	.14	.27
Pengaruh				-.06	.14	-.06
Hubungan emosi				-.01	.12	-.01


IMPLIKASI, LIMITASI DAN CADANGAN

Berdasarkan kerangka konseptual yang dirangka (Rajah 1), pengkaji menjangkakan bahawa kesukaran regulasi emosi mempunyai kesan kepada tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Tambahan lagi, perapatan kepada komuniti dijangka

menjadi perantara antara kedua pemboleh ubah tersebut. Selain itu, dalam masa yang sama, ketiga-tiga pemboleh ubah mempunyai kesan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, kajian mendapati perapatan kepada komuniti gagal menjadi perantara antara kegagalan regulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja (Rajah 2).



RAJAH 1. Kerangka konseptual



RAJAH 2. Model akhir

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh perapatan kepada komuniti sebagai perantara antara kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Hasil kajian memberi impak kepada remaja khususnya individu-individu dalam sistem ekologi mereka seperti ibu bapa, masyarakat, pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO). Ibu bapa merupakan individu yang paling dekat dalam sistem ekologi remaja. Oleh itu, ibu bapa mempunyai peranan yang penting dalam memantau tingkah laku dan pergerakan anak-anak dan sensitif dengan sebarang perubahan emosi yang dialami oleh remaja. Selain itu, ibu bapa juga perlu sentiasa bersedia dan memperuntukkan masa untuk mendengar masalah yang dihadapi remaja. Komunikasi dengan anak-anak juga sangat penting dalam membina hubungan yang akrab dalam proses mereka menginjak dewasa. Hubungan yang akrab antara ibu bapa dan anak membuatkan anak dapat merasai kehadiran ibu bapa dan mengandaikan ibu bapa memahami perasaan mereka seterusnya dapat

menjamin pembentukan emosi remaja yang sihat. Pembentukan emosi yang baik juga membawa kepada regulasi emosi yang baik dan seterusnya mencegah mereka daripada terlibat dalam tingkah laku delinkuen.

Remaja pula perlulah mengetahui cara-cara untuk menguruskan emosi dengan lebih efisien supaya tidak terlibat dengan masalah sosial. Antara langkah-langkah yang boleh diambil termasuklah mengisi masa lapang dengan hobi, melibatkan diri dengan aktiviti sukan, menyertai aktiviti kesukarelawanan di tempat tinggal dan sebagainya. Selain itu, penglibatan dalam permainan e-sukan, contohnya, dapat memberikan manfaat kepada remaja seperti meningkatkan kemahiran komunikasi dan kreativiti selain dapat menambah kenalan baru yang mempunyai minat yang sama (Nur Hafizah Yusoff et al. 2020) seterusnya dapat memastikan perkembangan emosi yang sihat. Mereka juga boleh merujuk kepada orang dewasa seperti ibu bapa, guru kaunseling dan ahli keluarga lain untuk

meluahkan perasaan dan berkongsi masalah yang dihadapi. Perkembangan emosi remaja yang optimal dapat menjamin pencapaian dalam akademik dan melindungi remaja daripada terlibat dalam masalah delinkuensi.

Bagi pihak kerajaan pula, penyediaan, penambahan dan naik taraf pusat-pusat belia dilihat sangat penting dalam membantu perkembangan psikososial remaja. Kewujudan pusat-pusat belia menyediakan ruang untuk remaja bersosial dan meluahkan masa dengan lebih baik bersama-sama rakan dari kawasan kejiranan mereka. Sebagai contoh, Siti Hajar, Noralina Omar dan Zaiton Azman (2017) mencadangkan agar program peningkatan rasa autoriti dalam kanak-kanak serta memastikan persekitaran sosial yang kondusif untuk meningkatkan penyertaan sosial kanak-kanak. Perkara ini dapat mengelakkan remaja daripada terlibat dengan masalah delinkuen. Remaja juga secara tidak langsung dapat meluaskan jaringan sosial mereka secara sihat. Anjuran program-program daripada kementerian tertentu seperti Kementerian Belia dan Sukan dilihat berkesan untuk menarik lebih ramai remaja menyertai setiap program yang dianjurkan. Usaha ini perlu dikekalkan dan perlu diperhebatkan lagi dengan melibatkan lebih ramai remaja yang tinggal di kawasan luar bandar dan pendalaman. Untuk itu, pihak kerajaan perlu bekerjasama dengan pihak NGO untuk menjayakan program yang dirancang.

Pengkaji dapat mengenalpasti beberapa limitasi yang wujud sepanjang kajian ini dijalankan yang memberi kesan kepada keputusan kajian. Pertama, jumlah respon daripada responden adalah rendah dan tidak mencapai saiz sampel yang ditetapkan. Terdapat 99 borang selidik yang tidak boleh dianalisis kerana responden tidak menjawab soalan dengan betul. Kajian ini juga hanya mengkaji enam jenis kesukaran regulasi emosi sahaja: (i) tidak menerima respon emosi (tidak terima), (ii) kesusahan untuk bertingkah laku berarahkan matlamat (matlamat), (iii) kesusahan untuk mengawal dorongan (dorongan), (iv) kekurangan kesedaran emosional (kesedaran), (v) akses terhad untuk strategi regulasi emosi (strategi) dan (vi) kurang kejelasan emosional (kejelasan) dalam kalangan remaja. Hal ini kerana terdapat banyak cara untuk individu meregulasi emosi mereka. Oleh itu, untuk kajian akan datang, strategi dan aspek lain berkaitan regulasi emosi seperti pemprosesan emosi, sensitiviti emosi, gaya pengurusan emosi perlu dikaji agar dapat meneroka

hubungan regulasi emosi dengan perapatan komuniti serta kaitannya dengan tingkah laku delinkuen.

Selain itu, bagi kajian akan datang, faktor perapatan kepada komuniti disarankan dikaji bersama-sama dengan faktor-faktor lain berkaitan dengan kejiranan seperti ketumpatan penduduk, kekurangan kemudahan, infrastruktur dan fasiliti yang terdapat dalam kawasan kejiranan dan lain-lain. Pemboleh ubah ini juga boleh dikaji untuk mengenal pasti kesannya secara tidak langsung ke atas tingkah laku remaja berbanding kesan secara langsung. Hal ini kerana kajian ini tidak mengambil kira faktor-faktor tersebut.

KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti samada faktor perapatan kepada komuniti mampu menjadi perantara antara kesukaran meregulasi emosi dan masalah delinkuen remaja. Pengkaji berminat untuk mengenal pasti sejauh mana faktor ekologiikal daripada sistem makro iaitu pemboleh ubah perapatan kepada komuniti mempengaruhi regulasi emosi remaja dan keterlibatan mereka dalam tingkah laku delinkuen. Hasil kajian ini disokong oleh kajian-kajian sebelumnya yang mendapati terdapat hubungan antara kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak dapat membuktikan hubungan antara kesukaran meregulasi emosi dan perapatan kepada komuniti dalam kalangan remaja. Selain itu, hubungan antara perapatan kepada komuniti dan tingkah laku delinkuen tidak menunjukkan sebarang hubungan. Namun, hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen. Akhir sekali, kajian ini mendapati perapatan kepada komuniti bukan perantara yang signifikan antara kesukaran meregulasi emosi dan tingkah laku delinkuen dalam kalangan remaja. Kesimpulannya, kajian ini merupakan salah satu usaha untuk mengenal pasti pengaruh perapatan kepada komuniti terhadap regulasi emosi dan tingkah laku delinkuen remaja. Pengkaji berharap agar kajian ini dapat membuka peluang untuk kajian-kajian seumpamanya pada masa akan datang menyumbang kepada jenis intervensi yang sesuai dengan isu remaja, seterusnya membawa perubahan kepada remaja di Malaysia.

RUJUKAN

- Badiora, A. I. 2015. Neighborhood characteristics in criminal offending among Nigerian juveniles. *Journal of Human Behavior in the Social Environment* 25: 452-467.
- Baskin, D. & Sommers, I. 2014. Exposure to community violence and trajectories of violent offending. *Youth Violence and Juvenile Justice* 12(4): 367-385.
- Bellair, P. E. & McNulty, T. L. 2010. Cognitive skills, adolescent violence, and the moderating role of neighborhood disadvantage. *Justice Quarterly* 27(4): 539-559.
- Bronfenbrenner, U. 1977. Towards an Experimental Ecology of Human Development. *American Psychologist* 32(7): 513-531.
- Burt, C. H., Simons, R. L. & Gibbons, F. X. 2012. Racial discrimination, ethnic-racial socialization, and crime: A micro-sociological model of risk and resilience. *American Sociological Review* 77(4): 648-677.
- Chavis, D. M., Lee, K. S. & Acosta J. D. 2008. *The Sense of Community (SCI) Revised: The Reliability and Validity of the SCI-2*. Kertas dibentang kandi International Community Psychology Conference Kedua, Lisboa, Portugal.
- Cummings, E. M., Taylor, L. K., Merrilees, C. E., Goeke-Morey, M. C. & Shirlow, P. 2016. Emotional insecurity in the family and community and youth delinquency in Northern Ireland: A person-oriented analysis across five waves. *Journal of Child Psychology and Psychiatry* 57(1):47-54.
- Egan, M., Neary, J. & Keenan, P. J. 2013. Perceptions of antisocial behaviour and negative attitudes towards young people: focus group evidence from adult residents of disadvantaged urban neighbourhoods (Glasgow, UK). *Journal of Youth Studies* 16(5): 612-627.
- Eisenberg, N., Morris, A.S., & Spinrad, T. L. 2005. Emotion related regulation: The construct and its measurement. In *Handbook of Research Methods in Developmental Science*, edited by Teti, D. M. Oxford: Blackwell Publishing.
- Estevez, A., Jauregui, P., Sanchez-Marcos, I., Lopez-Gonzalez, H. & Griffiths, M. D. 2017. Attachment and emotion regulation in substance addictions and behavioral addictions. *Journal of Behavioral Addictions* 6(4): 534-544.
- Flouri, E., Midouhas, E. & Joshi, H. 2015. Family and neighbourhood risk and children's problem behaviour: The moderating role of intelligence. *Intelligence* 53: 33-42.
- Ford, J. D., Steinberg, K. L., Hawke, J., Levine, J. & Zhang, W. 2012. Randomized trial comparison of emotion regulation and relational psychotherapies for PTSD with girls involved in delinquency. *Journal of Clinical Child & Adolescent Psychology* 41: 27-37.
- Gratz, K. L. & Roemer, L. 2004. Multidimensional assessment of emotion regulation and dysregulation: Development, factor structure, and initial validation of the Difficulties in Emotion Regulation Scale. *Journal of Psychopathology and Behavioral Assessment* 26: 41-54.
- Greenfield, E. A. & Marks, N. F. 2010. Sense of community as a protective factor against long-term psychological effects of childhood violence. *Social Service Review* 84(1): 129-147.
- Gross, J. J. 2013. Emotion regulation: Taking stock and moving forward. *Emotion* 13(3): 359-365.
- Halligan, S. L., Cooper, P. J., Fearon, P., Wheeler, S. L., Crosby, M. & Murray, L. 2013. The longitudinal development of emotion regulation capacities in children at risk for externalizing disorders. *Development and Psychopathology* 25: 391-406.
- Kemp, K., Thamocharan S., Poindexter, B., Barker, D., Tolou-Shams, M. & Houck, C. D. 2017. Emotion regulation as a predictor of juvenile arrest. *Criminal Justice and Behaviour* 44(7): 912-926.
- Leech, N. L., Barrett, K. C. & Morgan, G. A. 2015. *IBM SPSS for Intermediate Statistics: Use and Interpretation*. 5th edition. New York & London: Routledge.
- Lenzi, M., Vieno, A., Perkins, D.D., Pastore, M., Santinello, M., & Mazzardis, S. 2012. Perceived neighbourhood social resources as determinants of prosocial behavior in early adolescence. *American Journal of Community Psychology* 50: 37-49.
- McKelvey, L. M., Connors-Burrow, N. A., Mesman, G. R., Pemberton, J. R., & Casey, P. H. 2015. Promoting adolescent behavioural adjustment in violent neighbourhoods: Supportive families can make a difference! *Journal of Clinical Child & Adolescent Psychology* 44(1): 157-168.
- Mohammad Rahim Kamaluddin & Wan Shahrazad Wan Sulaiman. 2017. *Teknik Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Ujian Psikologi*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Azizah Othman, Khaidzir Ismail & Geshina Ayu Mat Saat. 2016. Aggression profiles of incarcerated Malaysian male murderers. *Akademika* 86(2): 137-147.
- Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Md Shariff, Azizah Othman, Khaidzir Hj Ismail & Geshina Ayu Mat Saat. 2015. Linking psychological traits with criminal behaviour: A review. *ASEAN Journal of Psychiatry* 16(2): 13-25.
- Monahan, K. C., Steinberg, L., Cauffman, E., & Mulvey, E. P. 2013. Psychological (im) maturity from adolescence to early adulthood: Distinguishing between adolescence-limited and persisting antisocial behaviour. *Development and Psychopathology* 25: 1093-1105.

- Nur Hafizah Yusoff, Novel Lyndon, Yuza Haiqal Mohd Yunus, Zurinah Tahir & Norhafizah Abu Hasan. 2020. Faedah keterlibatan belia di dalam e-sukan. *Akademika* 90(Isu Khas 1): 175-185.
- Odgers, C. L., Caspi, A., Russell, M. A., Sampson, R. J., Arseneault, L. & Moffit, T. E. 2012. Supportive parenting mediates neighborhood socioeconomic disparities in children's antisocial behaviour from ages 5 to 12. *Developmental and Psychopathology* 24: 705-721.
- Olson, S.L., Sameroff A. J., Lansford, J. E., Sexton, H., Davis-Kean, P., Bates, J. E., Pettit, G. S. & Dodge, K. A. 2013. Deconstructing the externalizing spectrum: Growth patterns of overt aggression, covert aggression, oppositional behaviour, impulsivity/inattention, and emotion dysregulation between school entry and early adolescence. *Development and Psychopathology* 25: 817-842.
- Pascuzzo, K., Moss, E. & Cyr, C. 2015. Attachment and emotion regulation strategies in predicting adult psychopathology. *Sage Open* 5(3): 1-15.
- Rathus, S. A. 2014. *Childhood & Adolescence: Voyages in Development*. Australia: Wadsworth Cengage Learning.
- Rothbart, M. K., Ahadi, S. A., & Hershey, K. 1994. Temperament and social behavior in childhood. *Merrill-Palmer Quarterly* 40: 21-39.
- Scales, P. C., Benson, P. L & Roehlkepartain, E. C. 2011. Adolescent Thriving: The Role of Sparks, Relationships and Empowerment. *Journal of Youth and Adolescent* 40(3): 263-277.
- Shankar Durairaja, Geshina Ayu Mat Saat & Mohammad Rahim Kamaluddin. 2019. Exploring Demography and Sociological Factors Underlying Decisions to Join Gangs among Indians. *Akademika* 89(1): 33-34. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8901-03>
- Siti Hajar Abu Bakar Ah, Noralina Omar & Zaiton Azman. 2017. Penyertaan sosial and indeks kesejahteraan sosial subjektif kanak-kanak miskin di Malaysia. *Akademika* 87(2):105-118.
- Sullivan, C. J. 2014. Individual, social, and neighborhood influences on the launch of adolescent antisocial behaviour. *Youth Violence and Juvenile Justice* 12(2): 103-120.
- Sullivan, T. N., Helms, S. W., Kliewer, W. & Goodman, K. L. 2010. Associations between sadness and anger regulation coping, emotional expression, and physical and relational aggression among urban adolescent. *Social Development* 19(1): 30-51.
- Tapia, M., Alarid, L. F. & Clare, C. 2018. Parenting styles and juvenile delinquency: Exploring gendered relationships. *Juvenile and Family Court Journal* 69(2): 21-36.
- Thornberry, T. P., Lizotte, A. J., Krohn, M. D., Farnworth, M. & Jang, S. J. 1994. Delinquent peers, beliefs, and delinquent behavior: a longitudinal test of interactional theory. *Criminology* 32: 47-83
- Trucco, E. M., Colder, C. R., Wieczorek, W. F., Lengua, L. J. & Hawk, L. W. Jr. 2014. Early adolescent alcohol use in context: How neighborhoods, parents, and peers impact youth. *Development and Psychopathology* 26: 425-436.
- UNICEF. 2011. *Adolescence an Age of Opportunity*. New York.
- Wahab, R., & Mansor, M. 2017. Peers and parental attachment and emotional intelligence among delinquents in rehabilitation centers in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 7(8): 635-641.
- Zimmerman, G. M. & Pogarsky, G. 2011. The consequences of parental underestimation and overestimation of youth exposure to violence. *Journal of Marriage and Family* 73(1): 194-208.

Fatin Adha Murad
 Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Email: adhamurad11@gmail.com

Mohammad Rahim Kamaluddin (corresponding author)
 Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
 Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Email: rahimk@ukm.edu.my

Norruzeyati Che Mohd Nasir
 Pusat Pengajian Psikologi dan Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
 Kolej Sastera dan Sains
 Universiti Utara Malaysia
 Email: zeyati@uum.edu.my

Received: 12 September 2018
 Accepted: 29 May 2020